

Ruj. Kami : UTM.J.02.05/10.24/1/14 (16)
Tarikh : 23 September 2024

Encik Mohd Sufian bin Nooralazam
Ketua Kumpulan Nextgen Innovators
Jabatan Pendaftar

Melalui:

Hjh Hartini binti Darsono
Jabatan Pendaftar

Saudara,

**TAWARAN MENYERTAI FESTIVAL INOVASI UTM
PADA 2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa panel telah membuat penilaian bagi **Sistem Pengurusan Mesyuarat UTM (eMesyuarat v2)** dari Kumpulan **NextGen Innovators**. Sukacita dimaklumkan bahawa projek dari kumpulan saudara telah disenaraikan pendek untuk menyertai Festival Inovasi UTM bagi Kategori **Advance Fidelity** yang akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh Festival : **2 hingga 3 Oktober 2024 (Rabu - Khamis)**
Masa : **8:30 pagi hingga 5:00 petang**
Lokasi : **Dewan Tanjung Puteri 302, Level 3, PERSADA Johor**
Aturcara Majlis : **Sila rujuk Lampiran 1**

3. Sehubungan dengan itu, kumpulan adalah dijemput untuk membuat pembentangan projek semasa Festival Inovasi UTM dengan **menyediakan 1 poster projek bersaiz A0** (pengisian poster sebagaimana di Lampiran 2) beserta prototaip (sekiranya ada) pada tarikh yang dinyatakan di atas.

4. Untuk makluman saudara, setiap kumpulan yang bertanding akan diberikan elaun makan sebanyak RM15/sehari (terhad kepada 2 orang ahli sahaja). Selain daripada itu, bagi tujuan pembentangan projek, setiap kumpulan akan diberikan 1 *booth* beserta kelengkapan berikut:

- a) *Partition Panel* – 1 unit
- b) 2' x 4' Meja beserta *skirting* – 1 unit
- c) Kerusi lipat – 2 unit
- d) *Long Arm Spotlight* – 1 unit
- e) *Power Point Supply* – 1 unit

5. Sebarang pertanyaan, saudara boleh menghubungi urusetia Festival Inovasi iaitu En. Mohd Sufian bin Nooalazam di talian 016-7654696 atau Cik Maszila binti Mohd Razali (012-7202718).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJH. NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Johor Bahru

☎ : 07-5532318

✉ : norazizah@utm.my

**ATURCARA
FESTIVAL INOVASI UTM 2024
PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

Hari Pertama | 1 Oktober 2024 (Selasa)

Masa	Aturcara
12.00 t/hari	: Persiapan booth peserta Festival Inovasi UTM
5.00 petang	: Bersurai

Hari Kedua | 2 Oktober 2024 (Rabu)

Masa	Aturcara
8.15 pagi	: Pendaftaran
9.00 pagi	: Majlis Perasmian UTM Global Connect 2024 <ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan Tetamu - Ketibaan Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTM - Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Azlinda binti Azman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi - Nyanyian Lagu Negaraku - Bacaan Doa - Ucapan Alu-aluan oleh Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTM - Ucapan Perasmian oleh Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Azlinda binti Azman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi - Montaj Perasmian - Pelancaran Buku Management of Internationalization for University Leaders - Soft Launching for Japan Science and Technology (JST) Satellite Office

	<ul style="list-style-type: none"> - Penyampaian Cenderamata Ucaptama oleh Yang Berbahagia Prof. Emerita Datuk Dr. Asma binti Ismail, Ahli Lembaga Pengarah UTM - Sesi bergambar
10.30 pagi	: Lawatan VIP ke booth pameran
11.00 pagi	: Sesi penjurian projek inovasi <i>*Setiap kumpulan diberikan masa 9 minit untuk membentangkan projek kepada panel juri</i>
2.30 petang	: Pembentangan projek inovasi kepada tetamu/pelawat
5.00 petang	: Bersurai

Hari Ketiga | 3 Oktober 2024 (Khamis)

Masa	Aturcara
9.00 pagi	: Pembentangan projek inovasi kepada tetamu/pelawat
2.30 petang	: Sesi pengumuman & penyampaian hadiah Festival Inovasi UTM
3.45 petang	: Majlis Penutup UTM Global Connect 2024 <ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan tetamu - Ketibaan Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Shafry bin Mohd Rahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) - Ucapan Prof. Madya Dr Mohd Ariffin bin Abu Hassan, Pengarah UTM International - Penyampaian hadiah Anugerah Terbaik (NALI & INATEX & WTUC) - Ucapan penutup
4.45 petang	: Program tamat

Nota: *Sekurangnya seorang ahli kumpulan perlu sentiasa berada di booth pameran masing-masing bagi melayani dan memberikan penerangan kepada pelawat yang hadir ke Festival Inovasi UTM*

**KEPERLUAN POSTER
FESTIVAL INOVASI UTM 2024
PERSADA JOHOR INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
2 HINGGA 3 OKTOBER 2024**

SPESIFIKASI POSTER

Saiz: A0 (Lebar: 841 mm x Tinggi: 1189 mm)

Arah Orientasi: Portrait

Bahasa: Bahasa Malaysia

MAKLUMAT PROJEK YANG PERLU DIBENTANGKAN

- *Sila rujuk gambar rajah disertakan*

- *Template poster boleh dimuat turun di <https://bit.ly/posterfi2024>*

1. Ahli kumpulan
2. Ringkasan Projek
3. Inovasi
4. Pernyataan Masalah
5. Ketulenan
6. Teknologi
7. Aplikasi
8. Kesan
9. Kebolehpasaran
10. Perancangan Pengkomersilan

MAKLUMAT YANG PERLU DIELAKKAN

1. Menggunakan saiz font yang kecil
2. Menggunakan warna latar belakang yang sama dengan tajuk dan kandungan
3. Gambar produk / inovasi yang beresolusi rendah